KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2014

PANGGILAN HORMAT DAN KAEDAH PENGGUNAANNYA

JABATAN PERDANA MENTERI

30 JUN 2014

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8888 3940
Laman Web : http://www.istiadat.gov.my

Ruj. Kami : PM 13719 Jld. 4 (18)
Tarikh : 30 Jun 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2014

PANGGILAN HORMAT DAN KAEDAH PENGGUNAANNYA

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan yang lengkap bagi menyeragamkan penggunaan Panggilan Hormat untuk digunakan dalam semua urusan rasmi Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan dan swasta.

TAFSIRAN

2. "Panggilan hormat" bagi maksud Surat Pekeliling Am ini adalah merujuk kepada sebutan sebelum namanya yang digunakan bagi menghormati individu tertentu berdasarkan kedudukan mengikut keturunan, jawatan, Anugerah Darjah Kebesaran yang diterima dan keagamaan. Panggilan hormat ini lazimnya digunakan pada surat, sampul surat, kad jemputan, teks juruacara, teks ucapan dan sebagainya.

LATAR BELAKANG

3. Tiga Surat Pekeliling terdahulu mengenai Panggilan Hormat telah dikeluarkan secara berasingan iaitu Surat Pekeliling Am No. 4 Tahun 1966 bertarikh 1hb Mac 1966 yang menetapkan penggunaan Panggilan Hormat bagi tujuan surat-menyurat, Surat Pekeliling Am Bilangan 15 Tahun 1966 bertarikh 2 Ogos 1966 yang secara khusus menyentuh mengenai penggunaan Gelaran Tan Sri dan Puan Sri dan Surat Pekeliling Am No. 4 Tahun 1966 bertarikh 18 Februari 1967 menetapkan penggunaan Panggilan Hormat yang tepat bagi orang-orang yang berketurunan diraja.

4. Selaras kehendak dan keperluan serta perkembangan semasa, semakan dan kajian semula telah dijalankan bagi menyediakan senarai Panggilan Hormat yang terkini dan lengkap untuk digunakan sebagai panduan oleh semua pihak dalam urusan rasmi dan tidak rasmi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta.

PENGKATEGORIAN

5. Panggilan Hormat ini dikategorikan seperti berikut:

a) Panggilan Hormat Diraja;
b) Panggilan Hormat untuk jawatan;
c) Panggilan Hormat untuk para penerima Darjah Kebesaran Persekutuan;
d) Panggilan Hormat untuk keturunan;
e) Panggilan Hormat untuk ahli agama; dan
f) Kaedah Penggunaan Panggilan Hormat untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ahli Akademik dan Pasukan/Badan-badan Beruniform

6. Senarai Panggilan Hormat serta keterangan bagi kategori-kategori di atas adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam **Lampiran A, B, C, D, E dan F.**

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Negeri, Kerajaan Negeri, Pihak Berkanun Persekutuan dan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, pekeliling-pekeliling terdahulu iaitu Surat Pekeliling Am No. 4 Tahun 1966 bertarikh 1 Mac 1966, Surat Pekeliling Am Bilangan 15 Tahun 1966 bertarikh 2 Ogos 1966 dan Surat Pekeliling Am No. 4 Tahun 1966 bertarikh 18 Februari 1967 dibatalkan.

PERTANYAAN

10. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Am ini boleh ditujukan kepada:

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5-6, Blok B3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA
No. Tel. : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8888 3940
E-mel : webadmin@istiadat.gov.my

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)
Ketua Setiausaha Negara
30 Jun 2014

LAMPIRAN A

Panggilan Hormat Diraja

GELARAN	PANGGILAN HORMAT	GELARAN	PANGGILAN HORMAT
Yang di-Pertuan Agong	Seri Paduka Baginda	Raja Permaisuri Agong	Seri Paduka Baginda
Sultan Negeri Kedah Darul Aman	KDYMM	Sultanah Negeri Kedah Darul Aman	KDYMM
Sultan Pahang	KDYMM	Sultanah Pahang	DYMM
Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan	DYMM	Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan	DYMM
Sultan Terengganu	KDYMM	Sultanah Terengganu	KDYMM
Raja Negeri Perlis	DYMM	Raja Perempuan Perlis	DYMM
Sultan Selangor	DYMM	Tengku Ampuan Selangor	DYMM
Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	DYMM	Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	DYMM
Sultan Johor	DYMM	Sultanah Johor	DYMM
Al-Sultan Kelantan	KDYMM	Raja Perempuan Kelantan	DYMM

Catatan:

Panggilan Hormat bagi Raja Muda/Tengku Mahkota dan Isteri Baginda hendaklah merujuk kepada senarai yang dikeluarkan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN B

Panggilan Hormat Jawatan

JAWATAN	PANGGILAN HORMAT	
	PENYANDANG JAWATAN	ISTERI/SUAMI PENYANDANG JAWATAN
Yang di-Pertua Negeri	TYT	YABhg.
Perdana Menteri	YAB	YABhg.
Timbalan Perdana Menteri	YAB	YABhg.
Menteri Besar/Ketua Menteri	YAB	YABhg.
Menteri/Timbalan Menteri/Setiausaha Parlimen	YB	YBhg.
Yang di-Pertua Dewan Negara/ Dewan Rakyat	YB	YBhg.
Ahli Dewan Negara	YB Senator	YBhg.
Ahli Dewan Rakyat	YB	YBhg.

JAWATAN	PANGGILAN HORMAT	
	PENYANDANG JAWATAN	ISTERI/SUAMI PENYANDANG JAWATAN
Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan/Presiden Mahkamah Rayuan/Hakim Besar/Ketua Hakim Syarie	YAA	YBhg.
Hakim Mahkamah Persekutuan/Hakim Mahkamah Rayuan/Hakim Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Syariah	YA	YBhg.
Ketua Setiausaha Negara	YBhg.	YBhg.
Peguam Negara	YBhg.	YBhg.
Panglima Angkatan Tentera	YBhg.	YBhg.
Ketua Polis Negara	YBhg.	YBhg.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	YBhg.	YBhg.
Ketua Setiausaha Kementerian	YBhg.	YBhg.
Ketua Jabatan Persekutuan/ Penyandang Jusa C dan ke atas (Mejar Jeneral/Timb. Komisioner Polis dan setaraf ke atas)	YBrs.	YBrs.

Catatan:

Kaedah penggunaan Panggilan Hormat mengikut jawatan adalah seperti berikut:

a. Panggilan Hormat untuk Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran Datuk maka Panggilan Hormatnya ialah *YB Senator Datuk diikuti dengan nama. Bagi yang tidak mempunyai gelaran maka Panggilan Hormatnya ialah YB Senator diikuti dengan nama*; dan

b. Panggilan Hormat untuk Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran Datuk maka Panggilan Hormatnya ialah *YB Datuk diikuti dengan nama. Bagi yang tidak mempunyai gelaran maka Panggilan Hormatnya ialah YB diikuti dengan nama.*

LAMPIRAN C

Panggilan Hormat Kurniaan Darjah Kebesaran

DARJAH KEBESARAN	GELARAN			PANGGILAN HORMAT		
	PENERIMA LELAKI	PENERIMA WANITA	ISTERI PENERIMA	PENERIMA	ISTERI	SUAMI
Seri Maharaja Mangku Negara (SMN)	Tun	Tun	Toh Puan	YABhg.	YABhg.	YABhg.
Seri Setia Mahkota (SSM)	Tun	Tun	Toh Puan	YABhg.	YABhg.	YABhg.
Panglima Mangku Negara (PMN)	Tan Sri	Tan Sri	Puan Sri	YBhg.	YBhg.	YBhg.
Panglima Setia Mahkota (PSM)	Tan Sri	Tan Sri	Puan Sri	YBhg.	YBhg.	YBhg.
Panglima Jasa Negara (PJN)	Datuk	Datuk	Datin	YBhg.	YBhg.	YBhg.
Panglima Setia Diraja (PSD)	Datuk	Datuk	Datin	YBhg.	YBhg.	YBhg.

LAMPIRAN D

Panggilan Hormat Keturunan

LELAKI	PANGGILAN HORMAT	WANITA	PANGGILAN HORMAT
Tunku/Tengku Engku/Ungku	YM	Tunku/Tengku/ Engku/Ungku	YM
Ku/Raja	YM	Ku/Raja	YM
Syed/Sheikh	Tuan	Sharifah/Siti	Puan/Cik

Catatan:

Bagi yang dikurniakan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran, maka gelaran tersebut hendaklah diletakkan selepas Panggilan Hormat keturunan dan diikuti dengan nama. Kaedah penggunaannya bagi Panggilan Hormat keturunan adalah seperti berikut:

Penerima yang dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' maka Panggilan Hormatnya ialah YM Tan Sri Raja diikuti dengan nama.

LAMPIRAN E

Panggilan Hormat Keagamaan

JAWATAN	PANGGILAN HORMAT	WANITA	PANGGILAN HORMAT
Mufti	Sahibus Samahah	-	-
Kadi Besar/ Kadi	Sahibul Fadillah	-	-
Ustaz	Al-Fadhil	-	-
Haji	Tuan	Hajah	Puan

LAMPIRAN F

Kaedah Penggunaan Panggilan Hormat Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ahli Akademik dan Pasukan/Badan-badan Beruniform

AGENSI/ JABATAN	KAEDAH PENGGUNAAN
ATM	1. a) ***Brig. Jen.*** *diikuti dengan nama* b) ***YBhg.*** *Brig. Jen.* ***Datuk*** *diikuti dengan nama* 2. a) ***YBrs. Mej. Jen.*** *diikuti dengan nama* b) ***YBhg. Mej.*** **Jen.** ***Datuk*** *diikuti dengan nama*
PDRM	1. a) **ACP** *diikuti dengan nama* b) **YBrs. DCP** *diikuti dengan nama* c) **YBhg. DCP Datuk** *diikuti dengan nama*
Ahli Akademik	1. a) **YBrs. Dr.** *diikuti dengan nama* b) **YBrs. Prof. Madya** Dr. *diikuti dengan nama* c) **YBhg. Datuk** Prof. Madya Dr. *diikuti dengan nama* d) **YBhg. Tan Sri Prof. Dr.** *diikuti dengan nama*
Pasukan/ Badan Beruniform ***(Contoh: Jabatan Bomba dan Penyelamat)*** ***PKPjB – Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba***	1. a) **PKPjB** *diikuti dengan nama* b) **YBrs. PKPjB** *diikuti dengan nama* c) **YBhg. Datuk PKPjB** *diikuti dengan nama*